



DAING Nasir Ibrahim (dua dari kiri) melihat plak yang dipamerkan selepas melancarkan Bulan Membaca 2013 peringkat universiti di Perpustakaan UMP kampus Gambang, baru-baru ini.

## Ilmu pengetahuan asas pembentukan masyarakat

UM (Held Frenzy)  
Pahang 2/10/13 m 2)

KUANTAN 1 Okt. - Ilmu pengetahuan dan pendidikan merupakan asas jaminan kepada pembentukan masyarakat dalam mewujudkan sebuah negara yang dinamik serta maju dalam pelbagai bidang.

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, taraf hidup dan nilai sesebuah negara amat bergantung kepada persepsi masyarakat terhadap ilmu pengetahuan.

"Pembentukan masyarakat mampu dengan nilai budaya yang bermoral, bermanual dan bertamadun mutu adalah ditentukan oleh tahap pencapaian ilmu masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis perasmian Bulan Membaca 2013 peringkat universiti di Perpustakaan UMP kampus Gambang di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Operasi Kompleks Tenun Pahang Diraja, Noraini Misran dan Penolong Pegawai Hal Ehwal Ekonomi Institut Kemahiran Tenun Pahang, Fairuz Hafiezal Rosli.

Menurut Daing Nasir, kepentingan bahan bacaan berkualiti penting kerana memerlukan kebijaksanaan semasa menilai bacaan yang dipilih serta sesuai.

Tambahnya, cabaran besar yang harus ditangani dalam konteks pemikiran masyarakat adalah membeli serta melabur bahan bacaan berkualiti tinggi supaya membawa keuntungan pada masa depan.

Dalam pada itu, Ketua Pustakawan Perpustakaan UMP, Ruslan Che Pee berkata, pengajuran yang memasuki tahun keenam itu diadakan bagi meningkatkan motivasi dalam kalangan warga kampus memana-

atkan ilmu dengan membaca, mengkaji dan menghayati ilmu untuk kehidupan sehari-hari.

"Program ini merupakan antara usaha dijalankan bagi memperkasakan ilmu dalam kalangan warga kampus terutama membantu kalangan penuntut baharu untuk memanfaatkan penggunaan perpustakaan sebagai tempat rujukan dan menelaah pelajaran," ujarnya.

Sempena program itu, terdapat beberapa acara dianjurkan seperti kursus *Cash@Campus*, literaturarak, lumat, klinik kayak, *explore lib race* dan permainan Sabibba.

Turut diadakan ialah Hari Bertemu Pelanggan, pertandingan peminjam terbanyak, pengunjung yang kerap ke perpustakaan, pameran buku dan pameran Tenun Diraja Pahang.